

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3**KESUSASTERAAN MELAYU****SPM 2018**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian** : Bahagian Satu dan Bahagian Dua.*
 2. **Jawab semua soalan Bahagian Satu.**
 3. *Jawab **tiga** soalan **Bahagian Dua**, iaitu **satu** soalan daripada tiap-tiap **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C***
 4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Bahagian Satu
[40 markah]
Jawab **semua** soalan

1.

Ada ubi ada batas,
Ada budi ada balas.

Orang berbudi kita berbahasa,
Orang memberi kita merasa.

Tak tumbuh tak melata,
Tak sungguh orang tak kata.

Dipetik daripada *antologi Nilai Insan*

Berikan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam petikan puisi di atas.

[4 markah]

2.

Setelah pendekar itu melihat Laksamana sudah turun, maka segera diparangnya. Maka Laksamana pun melompat hendak menangkiskan parangnya itu, kerana memarang dengan dua belah tangannya. Setelah lalu, diparang pendekar itu, maka diparangnya oleh Laksamana telinganya, putus terpelanting ke tanah. Maka Laksamana pun sgera melompat naik ke atas balairung itu. Maka orang pun hairan melihat pantas Laksamana itu.

Dipetik daripada Sastera Epik, *Hang Tuah Diutus ke Siam*.

Nyatakan **satu** sudut pandangan berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional di atas.

[4 markah]

3.

Maka budak itu pun berfikir di dalam hatinya. “Benarlah seperti kata naga itu.” Setelah sudah ia berfikir itu maka berjalanlah bersama-sama dan budak itu pun naiklah ke atas belakang naganya itu. Maka berjalanlah ia menuju Tasik Hijau itu. Setelah dekatlah ia dengan tasik itu, maka datanglah segala ular kecil-kecil dan besar-besar mendapatkan naga itu. Maka budak itu pun takutlah ia melihat ular yang datang itu. Maka kata naga itu, “Janganlah saudara hamba takutkan segala ular yang datang ini kerana semuanya ini rakyat datuk hamba.” Maka budak itu pun diamlah

Dipetik daripada Sastera Hikayat, *Budak Miskin Mendapat Cincin Hikmat*.

Berdasarkan petikan prosa tradisional di atas, berikan **satu** teknik plot berserta contoh.

[4 markah]

- 4.
- Tenanglah laut, kuala dan muara.
 Ombak jangan gila melanda.
 Tiuplah bayu pada layarku laju.
 Dayung jangan patah
 Layar jangan rekah
 Tiang jangan rabah

Dipetik daripada sajak *Aku Hanya Mahu ke Seberang*
 Karya Hashim Yaacob

Nyatakan **dua** harapan penyajak berserta contoh dalam petikan sajak di atas. [4markah]

- 5.
- DR CHAN (*dengan tenang*): Ya, Zaki. Aku akan cuba sedaya upayaku. Doakan saja. Semuanya dalam kuasa Tuhan belaka. Kuharap engkau akan bahagia bukan saja dengan ibumu, dengan Tina tetapi juga dengan Anna.
- ZAKI: Kasihan Anna. Aku tak salahkan dia. Anna belum dapat memahami aku, doktor.
- DR CHAN : Sabar, Zaki. Berikan dia waktu yang cukup. Kauhadapilah peristiwa ini dengan tenang. Selepas ini, kuharap engkau akan bahagia, bersama dengan ibumu dan Tina

Dipetik daripada drama *Anna*, karya Kemala.

Jelaskan **dua** perwatakan Dr Chan yang terdapat dalam petikan drama tersebut.
 [4 markah]

- 6.
- MASA**
 Sekitar 3:00 pagi
 (*MAT PIAH dan BLACKWAY berada di tepi tembok Padang Kota Lama menghadap Fort Cornwallis*).
- MAT PIAH : Fort Cornwallis ni tutup, tuan. Esok pukul sembilan pagi baru buka. Saya hairan, kenapa tuan nak berjalan-jalan pagi-pagi buta ni, tuan? Esok tak boleh? Tuan tak mahu balik tidur? Tuan tinggal di hotel mana?
- (*BLACKWAY tidak berkata apa-apa. Masih mendongak memandang ke arah Fort Cornwallis dalam simbahannya cahaya yang malap*).
- MAT PIAH : Dalam Fort Cornwallis ni ada patung Francis Light ...errr ... kawan tuan tu. Dulu patung tu tempatnya di hadapan muzium. Sekarang ni dah pindah ke sini pula. Tak tahu sebabnya apa. (*Bercerita macam pemandu pelancong*).

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*, karya Mahizan Husain.

Nyatakan **dua** latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama di atas.
 [4 markah]

7. Selepas semua itu terputus daripada badan, dia hanyalah seorang arwah. Yang tidak punya apa-apa, kecuali amal jariah dan kasih sayang yang ditinggalkannya semasa dia masih berkuasa. Dan itu pun bukan sebanyak mana. Cuma Pak Dol dan Mak Limah yang menangisi jenazah Abang Said. Hal ini kerana Abang Said pernah membiayai pembedahan Mak Limah semasa beliau sakit jantung dahulu. Hanya mereka ini yang mendapat tempias rezeki Abang Said. Dan mereka ingat. Jasa itu sampai ke hati mereka.

Dipetik daripada cerpen *Perspektif* karya NF Abdul Manaf

Berikan **dua** nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[4 markah]

8. Pernah kaukita yang kes kami akan kaubawa ke meja seminar antarabangsa. Katamu, di situ akan kaukecam budaya hidup manusia moden yang suka mencemar dan membuang semua kotoran ke laut. Hendak engkau tentang penerokaan tanah hutan kerana tanah merah yang terhakis dari situ mengeruhkan biru laut. Hendak kautentang pembuangan najis ke laut yang busuknya setahun pelayaran. Kaumahu lanun-lanun yang mencuri karang-karang laut dari terumbu induk disumbat ke penjara seumur hidup mereka.

Dipetik daripada cerpen *Kami Akan Mati*, Lin karya Saroja Theavy Balakrishnan.

Nyatakan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[4 markah]

9. Pada zaman dahulu para bangsawan Ogonshoto malah pernah menangkap penduduk asli seminggu menjelang gerhana matahari penuh. Sehari sesudah gerhana itu, penduduk asli itu dilepaskan, kemudian diburu dan dibunuh. Tetapi adat memburu dan membunuh orang dalam permainan itu telah dihapuskan oleh penjajah Eropah.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogoshonto*, karya Anwar Ridhwan

Berikan **dua** latar masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

10. Iklan itu seperempat halaman, memuatkan foto seorang lelaki tua bekas komandan tentera, juga kenyataan permohonan maafnya yang sangat umum, "Memohon maaf kepada semua pihak atas segala kesilapan sepanjang perkhidmatan saya dalam Angkatan Bersenjata Republik Ogonshoto."

Dipetik daripada novel *Naratif Ogoshonto* karya Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan novel di atas.

[4 markah]

Bahagian Dua

[60 markah]

Bahagian A**(Puisi Tradisional dan Prosa Klasik)**Jawab sama ada **Soalan 1** atau **Soalan 2**.

1. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kasih Jualan (Pantun Empat Kerat)

Burung kekek burung di hutan ,
 Terbang naik berlegar-legar,
 Mari encik marilah tuan,
 Barang baik baru keluar.

Hari Jumaat pergi memukat,
 Orang menagguk ikan di kali,
 Minta maaf belum berhajat,
 Datang menengok, bukan membeli.

Empat lima kuda di medan,
 Kuda tengkot ke depan juga;
 Bukan panglima rupanya tuan,
 Makanya takut masuk berniaga.

Kuda tengkot menang berlumba,
 Lompat bertangkup keempat kaki;
 Mengapa takut masuk berniaga?
 Kurangkah sanggup sifat lelaki.

Penakut sungguh rupanya ikan,
 Umpan di kail lari menepi;
 Kedekut sungguh tuan nak makan,
 Makanan baik tidak terbeli !

Kalau mengail ikan tenggiri,
 Umpan di taut ikannya bilis;
 Makanan baik tidak terbeli,
 Sayang takut duitnya habis!

Dipetik daripada *Pantun Kasih Jualan*,
Kalung Bunga, 2008
 Dalam antologi *Nilai Insan*
 Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (a) Huraikan **dua** persoalan bagi pantun di atas. [4 markah]
 (b) Jelaskan **empat** ciri pantun tersebut. [8 markah]
 (c) Cipta **dua** rangkap pantun empat kerat bertemakan **budi bahasa**. [8 markah]

2. Berdasarkan Sastera Epik : *Hang Tuah Diutus Ke Siam* dalam antologi Nilai Insan :

(a) Jelaskan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam cerita tersebut. [8 markah]

(b) Huraikan **empat** nilai murni. [12 markah]

Bahagian B
(Puisi Moden dan Drama)

Jawab sama ada **Soalan 3** atau **Soalan 4**.

3. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kembali ke Rumah Nurani

Marilah kembali ke rumah nurani
rumah diri yang tersergam di tanah batini
perabungnya teguh berpaksikan akal budi
bumbungnya tegal beratap insani
walau datang desir dari langit serakah
kau tetap gagah menaungi rumah peribadi
yang indahnya menawan mata kagum
dalam redup luhur mendepani lorong-lorong
sepanjang lebuah kehidupan

Rumah nuranimu biar berjendelakan renda susila
menutupi kamar diri
berpagar akrab peradaban warisan moyang
meski angin hitam berjelaga hedonisme
singgah menyiulkan bahasa leka
kau tidak mudah dibelai gemalai tipu daya
kerana dinding imanmu ampuh melawan
segala sihir gejala yang merasuk ke segenap ruang
rumah kehidupan

Biar rumah kita terbina dengan acuan bangsa
berukir akal budi melarik bunga tradisi
di sini kita menukang cinta dan menyulam bahagia
di kebun hayat yang sementara.

(Kemaman)

Husna Nazri
Dewan Masyarakat, Januari 2011
Dewan Bahasa dan Pustaka

(a) Jelaskan **nada** sajak di atas. [4 markah]

(b) Huraikan **empat** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam sajak tersebut. [8 markah]

(c) Cipta sebuah **sajak** bertemakan **keinsafan**. Panjangnya sajak tersebut antara **12** hingga **15** baris. [8 markah]

4. Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala:

- (a) Jelaskan **empat** perwatakan Anna yang terdapat dalam drama tersebut. [12 markah]
 (b) Huraikan **empat** ciri drama yang terdapat dalam petikan drama di bawah. [8 markah]

BABAK KETIGA

(Dalam alunan muzik kedengaran bunyi kereta berhenti. Pintu dibuka dan ditutup beberapa kali. DOKTOR CHAN masuk dengan pakaian doktornya).

DR. CHAN (*tenang*) : Helo Zaki, helo Puan Zaki.

ZAKI : Oh, Dr. Chan. Bagaimana kautahu?

DR. CHAN : Saya ke rumah. Ibumu bilang engkau ke *airport*. Ada hal penting katanya. Dan dia minta saya bawa sama.

ZAKI : Tina pun bersama?

DR. CHAN : Ya, kedua-duanya di dalam kereta. (*Zaki dengan cepat meninggalkan ANNA dan DR. CHAN*).

Dipetik daripada drama *Anna*, karya Kemala.

Bahagian C
(Cerpén dan Novel)

Jawab sama ada **Soalan 5** atau **Soalan 6**.

5. Berdasarkan cerpen *Bukit Emas* karya Mufidah Hanum Yusuf :

- (a) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam cerpen tersebut. [8 markah]
 (b)

Namun, impian Sahat dan seluruh penduduk Kampung Kuah untuk menyaksikan Bukit Emas terus menghiijau dan mempertahankan flora dan faunanya mengatasi keinginan Penghulu Sudin yang berada di penghujung senja.

Dipetik daripada cerpen *Bukit Emas* karya Mufidah Hanum Yusuf

Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan tersebut supaya menjadi cerita yang menarik. Panjangnya cerita hendaklah antara **80 hingga 100 patah perkataan** dan bertemakan **ketabahan**.

[12 markah]

6. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan Sasterawan Negara :

- (a) Huraikan **dua** perwatakan pemuda dari Banaba yang terdapat dalam petikan di bawah. [8 markah]

Dia sudah berjanji kepada dirinya sendiri untuk lebih banyak diam, lebih banyak mendengar dan kelihatan lebih bodoh. Jadi, dia hanya membisu, termasuk apabila ditanyai sama ada ingin belajar Bahasa Inggeris. Dua minggu kemudian, menurut pertimbangan beberapa orang petugas istana, tempatnya yang cocok adalah di stor peralatan sukan.

Dia memperlihatkan disiplin serta dedikasi yang tinggi selama bekerja di stor itu. Setelah setahun, dia dipindahkan ke bahagian stor pemakanan istana, membantu menentukan bekalan makanan basah dan kering sentiasa mencukupi. Dia pun telah dibenarkan memasuki kawasan-kawasan yang selama ini pintu-pintu tertutup untuknya.

Beberapa tahun kemudiannya namanya mulai menjadi buah bibir para pekerja istana kerana sifat ringan tulangnya, dedikasi, disiplin serta amanah.

- (b) Jelaskan **empat** latar tempat yang terdapat dalam **Bab 7 : Jari**. [12 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT